

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi
Sent: Monday, 4 April, 2016 1:22 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Norsiah binti Abdul Hamid
Subject: CIA UUM GALI ILMU INDUSTRI PENYIARAN TEMPATAN



**Pusat Pengajian Teknologi
Multimedia dan Komunikasi**

SCHOOL OF MULTIMEDIA TECHNOLOGY AND COMMUNICATION

Universiti Utara Malaysia




4 APRIL 2016 / 26 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/YBr. Prof/Prof. Madya/Dr/Tuan/Puan/Cik

CIA UUM GALI ILMU INDUSTRI PENYIARAN TEMPATAN



SMMTC ONLINE: Seramai 39 orang ahli Persatuan Inovatif Kreatif (CIA) yang juga merupakan pelajar program Pengurusan Industri Kreatif (BCIM) Kolej Sastera dan Sains Universiti Utara Malaysia telah menjalani latihan keusahawanan penyiaran dan perfileman dalam program *Creative Industry Production Training Entrepreneurship (CIPTe)* di sekitar Selangor pada 24-26 Mac 2016.

Selama 3 hari tersebut para pelajar telah didedahkan bagaimana proses penggambaran Drama 20 Episod 'Mr. Boss Miss Stalker' terbitan Sapphire Screen arahan Mohd Heykal Abu Hanifah dan telefilem 'Wau Kasih' terbitan Astro Citra arahan Sabri Yunus serta menjadi penonton program secara langsung Maharaja Lawak Mega 2016.

Menurut saudara Mohd Aidil Shahir bin Hamzah, yang merupakan pengarah program CIPTe, dalam masa yang sama pelajar CIA UUM CAS juga menjalankan penggambaran tugas *Making Of* untuk drama 20 Episod dan telefilem tersebut. Sepanjang penggambaran Drama 20 Episod tersebut, mereka telah berjaya menemui penerbit Sapphire Screen iaitu Puan Hasniza Nordin, pengarah dan krew produksi serta pelakon Mia Ahmad tentang dunia penyiaran dan perfileman tempatan. Banyak pengalaman yang telah dikongsikan oleh para penggiat seni dalam temuramah tersebut.

Ketika berada di lokasi 'Wau Kasih' pula para pelajar CIA UUM CAS juga merasakan pengalaman bermain wau dan teknik sinematografi oleh Sabri Yunus dan krew produksi. Penggambaran ini juga menemukan pelajar BCIM dengan seorang pelajar cohort pertama BCIM UUM iaitu saudara Wan Mohd Rafiq yang telah turut sama terlibat dalam penggambaran tersebut sebagai pengarah bersama dengan Sabri Yunus.

Pada sebelah malam pula, pelajar-pelajar telah menghadiri rancangan Maharaja Lawak Mega (MLM) yang bertempat di Teater Shah Alam bagi melihat sendiri bagaimana sesebuah penggambaran siaran langsung dijalankan. Pelajar-pelajar juga berpeluang bertemu dengan salah seorang dari juri MLM iaitu Shahiezy Sam dan Mamak dari kumpulan Puteh yang merupakan pemenang *Man of the Match* pada malam itu.

Pada hari terakhir program, para pelajar menemuramah En. Esma Danial yang merupakan pelakon utama dalam drama 'Cinta Hati Abah' dan berkongsi pelbagai ilmu lakonan serta mendapat suntikan semangat dari pelakon dan pengarah tersebut. Antara lain dalam temuramah tersebut, Esma Danial menekankan bahawa dunia industri ini berbeza dan sangat mencabar dan memerlukan kekuatan semangat dan kental sebelum melangkah ke dunia ini.

Sebelum pulang ke Universiti Utara Malaysia para pelajar telah membuat lawatan di Les' Copaque Production Sdn Bhd. Turut sama dalam program tersebut adalah penasihat CIA UUM iaitu Drs. Bambang SM Said dan Prof. Madya Dr. Arminda V. Santiago yang merupakan pensyarah pelawat SMMTC UUM CAS dalam bidang perfileman dari University of the Philippines.

Habis.

=====

PUSAT PENGAJIAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
TEL.: 04 - 928 5800/5801/5802/5803
FAKS :04 - 928 5804
E-MEL: mmtc@uum.edu.my

